

03 MAR 2002

Chogm-Keganasan

MALAYSIA SUDAH ARAH BANK BEKU AKAUN ORGANISASI BANTU PENGGANAS

Oleh: Abdul Aziz Harun

COOLUM (Australia), 3 Mac (Bernama) -- Malaysia sudah mengarahkan bank tempatan membekukan akaun organisasi atau anggotanya yang didapati membantu menaja atau mempunyai kaitan dengan kegiatan keganasan, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata tindakan itu selaras dengan resolusi 1317 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang menggariskan pelbagai langkah yang perlu diambil untuk memerangi keganasan.

Katanya, senarai nama organisasi serta anggotanya yang didapati terbabit dengan keganasan yang dikemukakan oleh Amerika Syarikat kepada Majlis Keselamatan PBB, telah diterima oleh Malaysia kira-kira dua bulan lepas.

Bank Negara yang mengedarkan senarai itu kepada semua bank tempatan dan mengarah mereka membekukan akaun organisasi atau anggota pertubuhan terbabit sekiranya ia dikesan, katanya kepada wartawan Malaysia selepas mengiringi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam sesi eksekutif kedua Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini hari ini.

Ia bertujuan memastikan supaya sumber pembiayaan kumpulan-kumpulan yang terbabit dengan keganasan dibekukan tanpa mengira sama ada ia pertubuhan domestik, serantau mahupun antarabangsa, katanya.

Bagaimanapun Syed Hamid berkata beliau tidak dapat memastikan berapa banyak akaun yang telah dibekukan oleh bank-bank tempatan sejak arahan itu dikeluarkan.

Pada perkembangan lain, beliau berkata ketua-ketua kerajaan Komanwel pada dasarnya bersetuju dan menerima Pelan Tindakan memerangi keganasan yang dirangka pada mesyuarat menteri luar di London Januari lepas.

Beliau berkata antara yang ditekankan dalam pelan tindakan itu adalah soal perlunya diseragamkan undang-undang jenayah bagi membolehkan tindakan diambil keatas para pengganas walau di mana juga mereka berada di negara-negara Komanwel serta membanyakkan lagi dialog antara tamadun di kalangan negara.

Katanya Pelan Tindakan itu juga menekankan perlunya ada kerjasama dari segi pertukaran maklumat untuk memerangi keganasan dari pelbagai segi termasuk soal sumber kewangan bagi membolehkan aset organisasi mahupun individu dibekukan di mana-mana negara Komanwel.

Malaysia adalah antara anggota jawatankuasa Komanwel Mengenai Keganasan di samping Australia, Bahamas, Kanada, India, Afrika Selatan, Sri Lanka, Tanzania, Tonga dan Britain.

Merujuk kepada perbincangan mengenai keganasan pada sesi eksekutif, Syed Hamid berkata beberapa pemimpin negara Komanwel telah menyuarakan pandangan yang hampir serupa dengan apa yang disuarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa kali sebelum ini.

Beliau berkata antaranya termasuk pandangan supaya pengganas tidak dikaitkan dengan Islam, definisi pengganas yang perlu diperjelaskan serta cadangan supaya PBB turut dibabitkan dalam memerangi keganasan.

Beliau berkata ini menunjukkan bahawa kebanyakan negara lain sememangnya sedang berhadapan dengan masalah yang hampir serupa dalam perkara yang membabitkan keganasan dan sedang berusaha mencari jalan untuk memeranginya.

"CHOGM pada dasarnya bersetuju menetapkan bahawa memerangi keganasan tidak boleh dikaitkan dengan memerangi kaum, agama atau budaya, ia bukan

soal memerangi Islam," katanya.

Katanya sekiranya usaha memerangi keganasan dilihat seolah-olah memerangi Islam, ia adalah lebih berbahaya kepada dunia dan akan boleh membangkitkan konflik yang lebih besar.

Beliau berkata sesetengah negara yang terbabit dalam perbincangan itu turut mengemukakan pandangan yang menarik seperti Guyana yang menyatakan bahawa sesetengah negara memberikan pandangan yang berat sebelah berhubung soal keganasan dan kesihatan.

Syed Hamid berkata sesi eksekutif itu juga dimaklumkan bahawa setiap tahun kira-kira 2 juta orang meninggal dunia akibat penyakit malaria di negara-negara yang sedang membangun dan tindakan mengenainya tidak sehebat soal memerangi keganasan.

Semua 53 ketua-ketua kerajaan Komanwel itu dijangka menghadiri majlis "retreat" iaitu berehat sambil berbincang di pusat percutian Hyatt Regency di sini petang ini.

-- BERNAMA
AZH AZZ MOZ